

BIL. 1 - MAR 2023

E-BULETIN KLINIK PERGIGIAN TENOM



Kementerian Kesihatan Malaysia

"MALAYSIA MADANI"



BE PROUD OF YOUR MOUTH MPKP 2023

Salinan ini disahkan benar daripada
salinan asal

AUDREY GEORGE
BOS INDIA
IDC NO: 12342

Warkah Perutusan Pegawai Pergigian Kawasan Keningau

Salam sejahtera,



Syukur kepada Tuhan, dengan izin-Nya Klinik Pergigian Tenom telah berjaya menerbitkan e-buletin yang pertama kalinya. Syabas dan tahniah kepada Dr Audrey George yang telah berusaha bersama pasukan beliau untuk menjayakan e-buletin ini.

Saya berharap usaha ini akan berkekalan dan diteruskan pada masa-masa akan datang agar kita sentiasa dapat menyebarkan maklumat mengenai kesihatan mulut kepada penduduk negeri Sabah khasnya kepada penduduk daerah Tenom.

Selamat maju jaya dan selamat membaca.

DR JUDITH LINUS LOJIKIP
PEGAWAI PERGIGIAN KAWASAN
PEJABAT PERGIGIAN KAWASAN KENINGAU

Sekapur Sireh, Seulas Pinang



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera,

Penerbitan e-bulletin 2023 Klinik Pergigian Tenom merupakan usaha yang baik untuk menambahkan pengetahuan mengenai penyakit-penyakit lazim pergigian dan aktiviti "outreach" yang dijalankan oleh Klinik Pergigian Tenom kepada orang awam.

Semoga Penerbitan e-bulletin ini juga akan menjadi salah satu medium untuk mempromosikan perkhidmatan pergigian di Klinik Pergigian Tenom.

Terima kasih kepada semua warga Klinik Pergigian Tenom kerana memberi saya peluang untuk memberi kata-kata aluan dan syabas diucapkan kepada semua warga Klinik Pergigian Tenom kerana Berjaya menerbitkan e-bulletin ini.

DR ERLYNA ENDOT
PEGAWAI PERGIGIAN UG54
PEJABAT PERGIGIAN KAWASAN KENINGAU

Sekapur Sireh, Seulas Pinang

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,



Terlebih dahulu tahniah diucapkan kepada sidang redaksi e-Buletin Klinik Pergigian Tenom atas kejayaan penerbitan e-Buletin yang sangat istimewa ini buat julungkalinya. Terima kasih kerana memberi kesempatan untuk saya mencoretkan sepatah dua kata dalam majalah ini.

Tema yang dibawa dalam edisi e-Buletin ini adalah bersempena Hari Kesihatan Pergigian Sedunia (World Oral health Day, WOHD) yang diraikan pada 20 Mac setiap tahun dengan tema ‘Be Proud Of Your Mouth’. WOHD merupakan kemuncak kempen kesedaran pencegahan dan kawalan penyakit mulut sepanjang tahun. Terdapat pelbagai info menarik kesihatan pergigian yang dibawa didalam edisi e-buletin yang istimewa ini.

Selain itu, pelbagai aktiviti kesihatan pergigian yang telah dijalankan oleh Klinik Pergigian Tenom turut menjadi rakaman memori indah dalam edisi kali ini. Semoga Klinik Pergigian Tenom terus maju jaya dalam mempromosikan kesihatan pergigian kepada seluruh masyarakat terutama masyarakat daerah Tenom amnya.

Selamat Membaca!

DR WAN NOR AINI BINTI WAN AZIZ
PEGAWAI PERGIGIAN PROMOSI UG52
PEJABAT PERGIGIAN KAWASAN KENINGAU

Bingkisan Pena

**DR AUDREY GEORGE**

Y/M KLINIK PERGIGIAN TENOM
KAWASAN KENINGAU

Salam Sejahtera,

Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua staf pergigian tenom yang terlibat dalam penghasilan dan penerbitan edisi pertama e-Buletin 2023 Klinik Pergigian Tenom di atas komitment dan semangat berpasukan yang tinggi dalam usaha menghasilkan artikel kesihatan pergigian dengan pengisian yang padu dan kreatif untuk tatapan masyarakat awam.

Semoga dengan usaha ini ia dapat mengandakan info-info dan pengetahuan tentang kepentingan penjagaan kesihatan pergigian serta meningkatkan kesedaran kepada semua golongan masyarakat.

Terima Kasih dan Selamat Membaca

Salam sejahtera kepada semua pembaca kami!

Kami dengan bangganya mempersembahkan terbitan pertama e-Buletin 2023 Klinik Perigigian Tenom kami untuk bulan ini. Dalam terbitan ini, kami akan membincangkan pelbagai topik yang berkaitan dengan kesihatan mulut dan gigi. Selain itu, terbitan ini akan berkongsi laporan aktiviti promosi yang dijalankan oleh pasukan kami. Kami berharap terbitan ini dapat memberikan wawasan yang berguna dan motivasi kepada pembaca kami untuk meningkatkan pengetahuan kesihatan pergigian sendiri.

Terima kasih atas sokongan anda kepada e-buletin kami dan selamat membaca!



DR EMILY TAN HUI-PING
KETUA PENYUNTING E-BULETIN
KLINIK PERGIGIAN TENOM
PEGAWAI PERGIGIAN UG41

SIDANG REDAKSI



DR VIVIAN GOH PUI CHENG PENYUNTING

Berbesar hati kerana dapat menyumbangkan kepada e-buletin pertama KP Tenom. Harap dengan buletin ini, lebih ramai masyarakat dapat melihat usaha KP Tenom untuk meningkatkan tahap kesihatan pergigian.



DR WOON WEI XUEN

PEGAWAI PROMOSI KLINIK PERGIGIAN TENOM

Terima kasih atas peluang untuk mengambil bahagian dalam penerbitan e-bulletin ini. Enjoy.



DR NUR HANIM ABDUL HALIM

PEGAWAI PROMOSI KLINIK PERGIGIAN TENOM

Tahniah atas penerbitan pertama KP Tenom. Semoga kita semua terus bersemangat memberikan kesedaran dan pendidikan pergigian kepada masyarakat.



DR RACKES SUNTHARARAJOO

PEGAWAI IKON GIGI KLINIK PERGIGIAN TENOM

Terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk menyumbang dalam edisi sulung bulletin KP Tenom.



DR ASILAH NUR-ATHIRAH HARISIN

PEGAWAI IKON GIGI KLINIK PERGIGIAN TENOM

Tahniah atas penerbitan e-buletin edisi pertama ini. Semoga ia dapat memberi manfaat kepada semua pembaca



DR ABBAS HARITH

PEGAWAI INOVASI KLINIK PERGIGIAN TENOM

Besar harapan supaya E-bulletin ini dapat memberi manfaat kepada semua yang membaca.





Mengimbas sejarah Perkhidmatan Pergigian di Tenom



Kakitangan Anggota Sokongan Klinik Pergigian Tenom 2023

Klinik Pergigian Tenom merupakan fasiliti kerajaan yang telah ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan pergigian kepada seluruh penduduk daerah Tenom. Namun, tahukah anda perkhidmatan yang disediakan kini jauh berbeza dari awal penubuhan perkhidmatan lebih kurang tiga dekad yang lalu? Ayuh kita singkap sejarah tertubuhnya perkhidmatan pergigian.

Pada awal 70-an, perkhidmatan pergigian telah ditubuhkan untuk memberi rawatan pergigian kepada pelajar-pelajar sekolah rendah. Salah satu bilik di SJK(C) Chung Hwa telah dijadikan sebagai pusat perkhidmatan.

Perkhidmatan pergigian mula berkembang pada lewat 1980-an di mana perkhidmatan pergigian mula umum diberikan di bangunan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) pada setiap hari Rabu oleh pegawai pergigian dari Keningau. Perkhidmatan pergigian ke sekolah menengah pula sudah dimulakan di sekolah-sekolah yang terdekat sahaja iaitu SMK Tenom, SMJK Chung Hwa dan SMK St Anthony.

Atas usaha kerajaan dalam meluaskan perkhidmatan pergigian kepada rakyat, akhirnya pada tahun 2014, bangunan Klinik Pergigian Tenom telah siap dibina dan mula beroperasi sepenuhnya pada tahun 2015 untuk semua lapisan pesakit. Perkhidmatan Klinik Pergigian Tenom juga semakin meluas dengan adanya perkhimatan klinik bergerak ke Klinik Kesihatan Kemabong dan Klinik Kesihatan Kuala Tomani.



Mengimbas sejarah Perkhidmatan Pergigian di Tenom

1970-an

Pada mulanya Perkhidmatan pergigian ditubuhkan di SJKC Chung Hwa di mana anggota pergigian hanya 2 orang sahaja dan rawatan terbuka kepada pelajar sahaja.

1980-an

Rawatan Pergigian ke sekolah-sekolah sekitar Tenom. Anggota yang terlibat menaiki kenderaan awam untuk ke sekolah-sekolah tersebut.

Lewat 80-an

Pada lewat tahun 80-an perkhidmatan pergigian dikembangkan ke Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) Tenom pada setiap hari rabu untuk golongan dewasa oleh Pegawai Pergigian dari Klinik Pergigian Keningau. Rawatan Pergigian ke sekolah menengah telah bermula.

2000-an

Anggota pergigian semakin bertambah dan telah menerima dua buah kenderaan rasmi sebagai pengangkutan ke sekolah-sekolah.

2014

Bangunan Klinik Pergigian Tenom yang terletak di belakang bangunan Hospital Tenom telah siap dibina dan menerima ramai pesakit.

2015

Klinik Pergigian mula beroperasi di bangunan baru. Antara Perkhidmatan Primer yang dijalankan seperti pemeriksaan gigi, cabutan, tampalan, perkhidmatan gigi palsu dan penskaleran. Selain itu, Perkhidmatan pergigian outstation ke Klinik Kesihatan Kemabong dan Kuala Tomani setiap bulan.

Kini

Bilangan anggota pergigian semakin bertambah, kini seramai 27 orang anggota pergigian terdiri daripada 8 Pegawai Pergigian, 7 Juruterapi Pergigian, 6 Pembantu Pembedahan Pergigian, 2 Juruteknologi Makmal, 2 Pembantu Perawatan Kesihatan dan 2 Pemandu. Pasukan Pergigian Tenom juga giat aktif dalam Program Kemasyarakatan seperti Program Kolaborasi Oral dan Agama, Program Kampung Angkat, Program Saringan Kanser Mulut, Program Ikon Gigi dan bergabung tenaga bersama berkolaborasi dengan Kesihatan / Agensi-agensi lain.

Kandungan



1	Alamak! Karang Gigi.....	09
2	Laporan Medical Camp Pensiangan Jun 2022.....	10
3	Rawatan Akar.....	12
4	Apa Itu Kaviti Dan Pencegahannya.....	13
5	Laporan Kolaborasi Oral dan Agama (KOA) Buddha.....	15
6	Laporan Medical Camp Long Pasia 2022.....	17
7	Kanser Mulut.....	22
8	Laporan Program MyBrushHour2022.....	23
9	Puasa dan Rawatan Pergigian.....	26
10	Avulsi Gigi.....	27
11	Laporan Karnival Kesihatan Daerah Tenom 2022.....	29
12	Laporan Outreach KOA & OCS Mac 2023.....	30
13	Posisi Memberus Gigi Kanak-kanak Yang Memerlukan Penjagaan Khas.....	32
14	Laporan Pensiangan Medical Rural Project.....	34
15	Laporan Anugerah Inovasi 2022.....	36
16	Laporan Program OCS Kampung Sugiang Tengah Okt 2022.....	38
17	Laporan Kem Kesihatan Peringkat Daerah Tenom.....	40
18	Laporan Program IKON GIGI SMK Entabuan 2023.....	41

"ALAMAK! ADA KARANG GIGI, SEGANLA ORANG NAMPAK GIGI TAK BERSIH"

Jom dapatkan rawatan scaling, buang karang gigi anda baru lah senyuman berseri-seri dan mulut tak berbau



Plak gigi ialah lapisan bakteria yang melekit serta tidak berwarna, terbentuk dan melekap pada permukaan gigi, lidah, gigi palsu dan tempat-tempat strategik seperti pinggiran tampalan, korona dan celah-celah gigi. Plak sering disalah tafsirkan sebagai sisa makanan yang melekat pada gigi.

Di dalam plak dianggarkan terdapat lebih dari 1000 spesis bakteria. Apabila plak dibiarkan ia akan mengeras dan menyukarkan pemberusan dan penggunaan flos. Permukaannya yang kasar menyebabkan lebih banyak plak akan terperangkap dan terkumpul di kawasan tersebut.

5 TIPS PENJAGAAN KEBERSIHAN GIGI YANG BAIK

- Tukar berus gigi jika bulu berusnya mula kembang
- Memberus gigi 2x sehari dengan teknik yang betul
- Guna ubat gigi berflorida
- Floss gigi selepas makan
- Pemeriksaan gigi secara berkala setiap 6 bulan



TAHUKAH ANDA?

Banyak penyakit gigi yang dapat dielakkan dengan rawatan scaling ini seperti:

- Penyakit gusi (periodontium)
- Jangkitan akar gigi
- Elak gigi goyang
- Nafas berbau (halitosis)
- Kerosakan gigi
(Berlubang / karies gigi)

Bila kali terakhir anda scaling gigi?

PERNAH TAK TENGOK BAHAGIAN BELAKANG GIGI WAKTU TENGOK CERMIN?



Sumber: ten Cate, Jacob M. (2006). "Biofilms, a new approach to the microbiology of dental plaque".

DR EMILY, DR ABBAS, DR ASILAH, DR HATHIM, DR WOON

Salman in digital marketing
Salman Jael

MEDICAL CAMP PENSIANGAN



DR EMILY, DR ABBAS, DR ASILAH, DR HANIM, DR WOON



Medical camp yang bertempat di Pensiangan di bawah anjuran **Rotary Club Of Kota Kinabalu South** telah diadakan pada 11 Jun hingga 12 Jun 2022. Beberapa pegawai pergigian di kawasan turut terlibat. Antaranya ialah Dr. Nur Izzah Binti Rusman, Dr. Angelia Yong Oi Ling, Dr. Fatin Ain Atira dan Dr. Abbas Bin Harith. Bukan itu sahaja, beberapa agensi kerajaan seperti pegawai perubatan dan pegawai farmasi turut hadir bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan. Objektif bagi pasukan pergigian adalah untuk menyampaikan perkhidmatan kesihatan pergigian, kesihatan, dan barang- barang keperluan asas kepada penduduk pensiangan. Kemudian, untuk memberi pendidikan kepada penduduk pensiangan untuk mengamalkan penjagaan kesihatan pergigian yang betul serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara warga staf klinik pergigian dengan pasukan kesihatan keningau dan ahli-ahli Rotary Club.

PENGANGKUTAN

Menaiki bot merupakan salah satu pengangkutan utama penduduk di Pensiangan. Sungai antara jalan terpantas untuk menghubungkan antara kampung-kampung di dalam kawasan Pensiangan. Pihak kami berasa sangat teruja kerana dapat melalui pengalaman menaiki bot ini. Bukan itu sahaja, pengangkutan yang digunakan oleh penduduk di kawasan sini ialah pacuan 4 roda melalui jalan darat. Jalan ke Pensiangan daripada Nabawan sememangnya tidak berturap, berbatu dan berbukit bukau. Rata-rata penduduk di Pensiangan susah untuk mendapatkan rawatan perggigian dan kesihatan. Klinik kesihatan dan perggigian yang terdekat adalah di Nabawan. Mereka terpaksa meredah perjalanan selama lebih kurang 3 jam barulah dapat menikmati kemudahan tersebut. Pihak kami amat berbesar hati kerana dapat menolong penduduk di sini dengan memberi rawatan seikhlas hati.

PERKHIDMATAN PERGGIGIAN

Antara perkhidmatan yang diberikan oleh pasukan perggigian semasa di sana ialah pemeriksaan gigi, cabutan gigi, saringan kanser mulut dan sapuan florida.



RAWATAN AKAR

DR EMILY, DR ABBAS, DR ASILAH, DR HANIM, DR WOON


Rawatan kanal akar ialah sesuatu prosedur untuk mengeluarkan tisu pulpa yang dijangkiti atau telah mati dari gigi yang rosak. Antara kebaikan rawatan ini ialah gigi tersebut tidak perlu dicabut dan boleh terus kekal berfungsi di dalam mulut.

Ciri-ciri gigi yang memerlukan rawatan akar ialah gigi yang telah mati (non-vital), gigi yang rosak hingga lapisan tisu pulpa, dan gigi yang mempunyai tampalan besar dan memerlukan korona.

Langkah-langkah rawatan kanal akar:




- 1 Sebelum rawatan bermula, radiograf gigi akan diambil. Ini adalah untuk mengenal pasti bilangan dan keadaan akar gigi yang bermasalah tersebut.
- 2 Seterusnya, lapisan enamel dan dentin gigi yang rosak akan dibuang hingga tisu pulpa dijumpa.
- 3 Tisu pulpa yang reput akan dibuang lalu kanal akar akan dibersihkan dengan bahan disinfeksi dan dibentukkan. Langkah ini mengambil masa selama satu hingga beberapa janji temu untuk diselesaikan. Ubat akan diletakkan dalam akar dan tampalan sementara akan ditampal dalam korona gigi pada akhir janji temu.
- 4 Pada janji temu seterusnya, kanal akar yang dibersihkan akan ditampal dengan bahan tampalan (Gutta percha) dan korona gigi akan ditampal dengan tampalan tetap atau dengan korona baru.



TAHUKAH ANDA?

Satu akar gigi boleh mempunyai lebih daripada satu kanal akar. Contohnya, gigi geraham maksila (atas) yang pertama boleh mempunyai tiga akar dan empat kanal.



RESTORASI GIGI YANG TELAH DIRAWAT AKAR

Lazimnya, gigi yang dirawat akar hilang sebahagian besar struktur gigi akibat karies atau gigi patah semasa rawatan kanal akar. Gigi tersebut mempunyai kemungkinan yang tinggi berlakunya fraktur. Selain itu, gigi tersebut perlu dimeterai dengan sempurna untuk mengelakkan daripada kebocoran dan jangkitan semula.

Antara jenis restorasi yang digunakan dalam situasi ini ialah onlai (logam, seramik), korona (logam, seramik dan kombinasi), dan restorasi komposit. Untuk gigi yang kehilangan lebih lima puluh peratus struktur gigi koronanya, tiang dan teras digunakan suntuk memberikan korona baru pegangan lebih kuat. Untuk gigi yang mengalami kehilangan struktur gigi yang minimum, tampilan sewarna gigi cukup untuk pemeteraian bahagian korona itu.



Sumber:

- Gopikrishna, V., & Grossman, L. I. (2021). Grossman's endodontic practice. Wolters Kluwer Health (India).
- Iandolo A, et al. Modern technologies in Endodontics. Giornale Italiano di Endodonzia (2016), <http://dx.doi.org/10.1016/j.gien.2015.12.001>

APA TU?

KAVITI GIGI

DR EMILY, DR ABBAS, DR ASILAH, DR HANIM, DR WOON

Kaviti merupakan kerosakan gigi yang kekal di permukaan tisu keras yang meliputi corona dan dentin gigi. Mengikut kajian yang dijalankan oleh World Health Organisation (WHO), sebanyak 2 bilion orang mengalami kaviti atau karies gigi.

Kaviti gigi terhasil apabila bakteria merosakkan permukaan gigi dan merebak ke lapisan yang dalam dan akhirnya menyebabkan kesakitan, jangkitan dan kehilangan gigi.



Salinan ini disahkan benar daripada
salinan asal

PEMBENTUKAN KAVITI GIGI



Asid akan terus merebak ke dentin dan pulpa dan menyebabkan kesakitan, abses dan sebagainya

Plak yang dibiarkan melekit dan tidak diberus akan menyebabkan kaviti atau karis gigi



PENCEGAHAN KAVITI GIGI



Mengurangkan makanan bergula dan amalkan pemakanan sitat



Memberus gigi sekurang-kurangnya dua kali sehari menggunakan teknik yang betul. Pada waktu pagi selepas bangun dan waktu malam sebelum tidur.

Berjuma dengan doktor gigi sekali atau dua kali setahun untuk pemeriksaan dan pembersihan.



Menggunakan ubat gigi yang mengandungi fluorida. Fluorida adalah mineral yang menguatkan struktur gigi dengan menguatkan lapisan enamel. Enamel yang terdedah kepada fluorida lebih tahan kepada asid yang dihasilkan bakteria.



Menggunakan flos gigi





KOLABORASI ORAL DAN AGAMA BUDDHA

02.08.2022 | TUESDAY

PERSATUAN HUANG TAI CHI, TENOM

KLINIK PERGIGIAN TENOM

DR EMILY, DR ABBAS, DR ASILAH, DR HANIM, DR WOON

Program Kolaborasi Oral Agama (KOA), merupakan satu inisiatif Pergigian yang melibatkan kerjasama di antara Klinik Pergigian Tenom, Persatuan Badan Agama Buddha serta lapisan masyarakat daerah Tenom untuk menyebarkan serta memberi pendidikan kesihatan pergigian kepada lebih ramai lapisan masyarakat.



Pemeriksaan Gigi



Pameran Pergigian

PERSATUAN BUDDHIST TENOM SABAH

Institusi keagamaan merupakan salah satu tempat tumpuan orang ramai berkumpul dan mempunyai pengaruh yang besar pada setiap orang yang beragama. Pelbagai lapisan masyarakat akan hadir dan ini sekaligus menjadi platform yang sangat baik untuk menyampaikan mesej kesihatan pergigian kepada lebih ramai orang.



丹南佛教会与牙医诊所 8月 2 日
联办“口腔健康”讲座会

(丹南 28 日讯)由丹南牙医诊所与丹南佛教所“口腔健康”讲座会，讲座会将于 8 月 2 日 (星期二) 早上 8:30 至中午 12:00 假丹南黄氏太极学会举行。

丹南佛教会主席林仪钦居士表示，主办此活动的主要目的就是为了向民众灌输口腔卫生的重要性，同时也让大家了解正确的清理牙齿的方法。

Tawid 护士长、Wesley J. Tan 医生、陈施媚医生、温韦轩医生及 Asilah 医生。活动项目包括：牙齿健康讲座、牙齿健康展览、免费牙齿检查。

除此之外，配合“口腔健康”讲座会的举行，主办当局在早前假丹南州立图书馆举行“口腔健康”填色比赛，获得超过六十位学生参加。参赛学生将会在 8 月 2 日当天



Anjuran Klinik Pergigian Tenom dan Persatuan Buddhist Tenom Sabah

丹南牙医诊所与丹南佛教会举办



CERAMAH PERGIGIAN



Terima Kasih kepada Persatuan Agama Buddhist Tenom diatas kerjasama yang sangat baik, diharap program pergigian ini memberi banyak manfaat yang berguna kepada semua.

Pelbagai aktiviti dijalankan dari pihak pergigian dan persatuan buddha. Para pengunjung dapat melakukan pelbagai aktiviti bersama keluarga dan berpeluang mendapatkan khidmat pemeriksaan gigi, saringan kanser mulut, cabutan gigi secara percuma bersama team kami serta pertandingan mewarna untuk kanak-kanak.

Para pengunjung berpeluang bertemu dan mendengar Ceramah Kesihatan Pergigian dari Dr Woon Wei Xuen. Ceramah yang disampaikan sangat baik dan memberikan input-input berguna tentang penjagaan gigi dan mulut.



MEDICAL CAMP 2022- LONG PASIA

DR EMILY, DR ABBAS, DR ASILAH, DR HANIM, DR WOON



Program Rural Community Project telah dianjurkan oleh Lions Clubs of Tenom Host, KK Centennial, Lutong, Tawau Madarin pada 27 & 28 Ogos 2022. Lions club dari Keningau, KK Damai, Lawas, Miri Central dan Lumbir juga menyertai program ini. Program ini merupakan kem kesihatan yang bermakna dan bertujuan untuk memberikan bantuan kepada penduduk yang memerlukan sumbangan dan bantuan dalam segi kesihatan.

Klinik Pergigian Tenom bersyukur dapat dijemput serta sekali dalam program ini yang diwakili oleh Dr. Tan Sze Hao, Dr. Abbas Harith, Dr. Woon Wei Xuen dan PPP Suhaidi Minggu.



Salinan ini disahkan benar daripada
salinan asal

KLINIK PERGIGIAN TENOM MEDICAL CAMP 2022- LONG PASIA



Long Pasia merupakan perkampungan etnik suku Lun Bawang/Lun Dayeh dan semuanya beragama Kristian Sidang Injil Borneo (SIB).

Kira kira ada 1000 penduduk. Kg Long Pasia ini juga boleh dikenali sebagai kampung muara sungai air merah yang terletak di pendalaman Sabah yang bersempadan dengan negeri Sarawak dan Provinsi Kalimantan Utara, Indonesia.

Walaupun jarak antara Klinik Pergigian Tenom dan Long Pasia ialah 130.8km, namun perjalanan ini telah mengambil masa 7 jam.

Semua Agensi yang terlibat termasuk lions club dan pasukan pergigian tenom diarahkan untuk berkumpul di Dewan DSP Antanom, Tenom untuk mendengar taklimat ringkas daripada pengajur program mengenai tentatif program. Perjalanan ke long pasia bermula 6.30pagi. Kampung Maligan dipilih sebagai lokasi persinggahan untuk berehat dan makan tengah hari sebelum tiba di Long Pasia.




Bahagian pergigian menjadi tumpuan penduduk long pasia dan sekitarnya. orang ramai berpusu-pusu datang untuk mendapatkan rawatan pergigian. Antara aktiviti pergigian yang dijalankan di kampung tersebut ialah pemeriksaan gigi, cabutan gigi, khidmat kauseling pergigian, sapuan florida secara percuma.

Perjalanan ke Long Pasia dijadualkan awal kerana mengambil masa yang agak lama, dijangka sampai ke lokasi pada waktu petang. Setibanya di Long Pasia, pasukan pergigian dibantu oleh ahli Lions Club untuk mendaftarkan penduduk kampung yang memerlukan pemeriksaan gigi.



Aktiviti pergigian disambung pada keesokkan harinya untuk cabutan gigi. Perkhidmatan pergigian sangat diperlukan khususnya di kawasan pendalam. Penduduk di kawasan pendalam agak sukar untuk mendapatkan rawatan pergigian kerana masalah pengangkutan yang dialami. Program seperti ini sangat membantu golongan yang memerlukan.

PROGRAM KEMASYARAKATAN



1

2

3

4

5

6

1. Dr Woon Wei Xuen memberi nasihat penjagaan gigi susu kepada ibu kanak-kanak
2. Perkhidmatan cabutan gigi diteruskan sehingga lewat petang walaupun bekalan elektrik terputus.
3. Service rambut percuma kepada penduduk kampung long pasia.
4. Demonstrasi memberus gigi dan pengagihan keperluan perggigian kepada kanak-kanak
5. Perjalanan tetap diteruskan walaupun kenderaan tiba-tiba terhenti di tengah hutan belantara
6. Riadah dan santai selepas seharian bekerja

PENGHARGAAN



Program ini berjalan dengan lancar selama dua hari. Klinik Pergigian Tenom ingin berucap ribuan terima kasih kepada Lions Club dan penduduk Long Pasia atas kerjasama dan semangat yang diberikan! Semoga kolaborasi dapat diteruskan pada program akan datang

Salinan ini disahkan benar daripada
salinan asal

KANSER MULUT

DR EMILY, DR ABBAS, DR ASILAH, DR HANIM, DR WOON

APA MAKSUD KANSER MULUT?

Kanser mulut merupakan ketumbuhan tisu yang tidak biasa di sekitar mulut. Ia boleh terjadi di bahagian bibir, lidah, bahagian dalam pipi, gusi, lantai mulut dan lelangit.



Alcohol berlebihan



Diet tidak sihat



Virus Human Papilloma-16

6 Risiko Kanser Mulut



Sinar matahari berlebihan



Merokok



Sireh pinang

TANDA-TANDA KANSER MULUT



ULCER YANG TIDAK SEMBUH DALAM MASA 2 MINGGU



TOMPOK PUTIH ATAU MERAH PADA GUSI, LIDAH, TONSIL, ATAU MUKOSA MULUT



KEBENGKAKAN, BENJOLAN DI KAWASAN MUKOSA MULUT

"Menjaga kesihatan hari ini memberi harapan yang lebih baik untuk masa depan."

LANGKAH PEMERIKSAAN MULUT SENDIRI UNTUK MENGESEN KANSER MULUT



Berdiri di depan cermin di bawah cahaya yang terang. Tekan di bahagian kanan dan kiri leher untuk mengesan sakit, Bengkak atau benjolan.



Tarik bibir atas dan periksa untuk mengesan ulcer atau perubahan warna. Ulangi untuk bibir bawah.



Tarik pipi kanan dan periksa bahagian dalam pipi untuk mengesan sebarang kelainan. Ulangi untuk pipi kiri



Buka mulut dan periksa bahagian lelangit. Perhati sebarang perubahan atau benjolan.



Letakkan hujung lidah di lelangit. Periksa lantai mulut dan bahagian bawah lidah.



Keluarkan lidah dan periksa tepi kanan dan kiri untuk mengesan sebarang benjolan.

#MYBRUSH HOUR

DR EMILY, DR ABBAS, DR ASILAH, DR WOON, DR HANIM



CEGAH DAN RAWAT, SERLAH SENYUMAN SIHAT

Program MyBrushHour2022 yang dianjurkan oleh Program Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan Malaysia sempena Minggu Promosi Kesihatan Pergigian 2022 telah dilaksanakan di Peringkat Negeri Sabah.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan di SMK ST Anthony, Tenom seperti demonstrasi memberus gigi, ceramah kesihatan pergigian, Kuiz Pergigian dan Tayangan Multimedia telah dijalankan bersama dengan pelajar, Cikgu Joan turut serta Pengetua Cikgu Daut Rugak yang sangat sporting dalam menjayakan program .



MINGGU PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN



SMK ST ANTHONY, TENOM



Salinan ini disahkan benar daripada
salinan asal



ADIK-ADIK JOM GOSOK GIGI



#mybrushhour2022



Program ***MyBrushHour*** turut dijalankan di SJK (C) Kong Min, Tenom. Murid-Murid serta Cikgu di sekolah berpeluang menyertai program ini dan bertemu dengan **Juruterapi Pergigian Yahmini Yahya** dan **Juruterapi Pergigian Lydia Lawrence** untuk mengajar murid-murid cara memberus gigi dengan betul dan Ceramah Kesihatan Pergigian.

PENGGUNAAN DISCLOSING AGENT



Gigi saya bersih jee.. tak kotor
(SEBELUM letak Disclosing Tablet)



Alamak.. rupanya masih kotor..
(SELEPAS letak disclosing tablet)

Salah satu cara menjaga kesihatan gigi dan mulut adalah dengan pemeriksaan plak demi mencegah masalah gigi di kemudian hari. Bagaimana cara pemeriksaan plak gigi?

Kunyah disclosing tablet dan biarkan mencair bercampur dengan air liur anda. Kumur larutan disclosing tablet, jangkau kawasan gigi dengan lidah anda. Lakukan ini selama 30 saat, lalu buang larutan tersebut.

HAHH, SEKARANG CUBA ADIK-ADIK LIHAT DIHADAPAN CERMIN

WARNA MERAH JAMBU MENUNJUKKAN PLAK GIGI BARU <24JAM

WARNA BIRU GELAP MENUNJUKKAN PLAK GIGI LAMA >48JAM



Minggu Promosi kesihatan perggigian #mybrushhour

CEGAH DAN RAWAT, SERLAH SENYUMAN SIHAT

Ceramah Kesihatan Pergigian



Perkongsian dan Ceramah Penjagaan Gigi yang efektif dan Pengesanan Awal Tanda-tanda Kanser Mulut disampaikan oleh Dr Woon Wei Xuen dan Dr Asilah Nur-Athira Harisin di Klinik Pergigian Tenom.

Semoga dengan segala usaha kakitangan perggigian dan semua ilmu pengetahuan kesihatan perggigian yang telah dikongsikan ini diterap dan disemai dalam diri setiap individu yang hadir dalam sesi ceramah dan dikongsikan kepada semua ahli keluarga dan rakan-rakan diluar dan mengubah nasib serta menyelamatkan nyawa dari bahayanya kanser mulut.



Puasa Dan Rawatan Pergigian

Boleh atau tidak?

DR EMILY, DR ABBAS, DR ASILAH, DR HANIM, DR WOON

Ok encik. Rawatan untuk hari ni sudah selesai. Kita akan sambung tampilan minggu depan ye.



Tapi Dr, minggu depan puasa. Tak nak la buat rawatan. Saya tak nak kena ganti puasa nanti.



Alat penyedut air liur

Ini antara situasi yang sering terjadi antara doktor gigi dan pesakit apabila menjelang bulan Ramadhan. Ramai pesakit beranggapan bahawa semua rawatan pergigian membatalkan puasa. Oleh sebab itulah, mereka agak berat untuk hadir menjalani rawatan kerana khawatir ibadah puasa mereka terbatal.

Namun begitu, tidak semua rawatan pergigian membatalkan puasa dengan syarat-syarat tertentu.

Q Batalkah puasa saya jika menjalani rawatan tampilan gigi, cucian gigi (scaling), rawatan akar (root canal treatment), membuat gigi palsu atau cabutan?

A Tampilan gigi, cucian gigi, rawatan akar, gigi palsu dan cabutan pada siang hari dalam bulan Ramadhan adalah diharuskan sekiranya penangguhan rawatan boleh membawa kemudaran seperti sakit yang teruk, dengan syarat pesakit tidak menelan atau meminum campuran air rawatan. Semasa cucian gigi dan tampilan, alat yang digunakan oleh perawat akan mengeluarkan air bagi mengelakkan hujung scaler tip atau bur menjadi panas kemudian merosakkan struktur gigi. Campuran air yang tertakung ini akan disedut dengan oleh alat penyedut air liur berkuasa tinggi agar pesakit tidak menelan air tersebut.

Selain itu, langkah lain yang boleh dilakukan oleh pengamal pergigian adalah dengan menggunakan empangan getah untuk rawatan tampilan dan rawatan akar. Jika prosedur ini dilakukan dengan betul dan terkawal, maka tidak ada isu batal puasa kerana air campuran tidak ditelan oleh pesakit.

Q Masa cabutan, pembedahan kecil mulut (minor oral surgery) dan rawatan akar saya kena bius. Tak batal ke?

A Bius setempat tidak membatalkan puasa kerana jarum ditusuk pada tisu dan tidak melibatkan kemasukan bahan ke dalam mana-mana rongga. Rawatan pembedahan kecil mulut juga tidak membatalkan puasa melainkan pesakit menelan air liur dan darah.

Q Dr, saya perlu jalani pembedahan mulut dan maksilofasial menggunakan bius am. Adakah batal puasa saya kalau pembedahan pada waktu siang?

A Batal puasa kerana semasa di bawah bius am, tiub endotrakeal untuk pernafasan akan dimasukkan ke dalam rongga mulut atau hidung pesakit.



Sebagai konklusi, sebahagian besar rawatan pergigian tidak membatalkan puasa dengan syarat pesakit tidak menelan campuran air liur dan bahan rawatan. Faktor ini juga dapat dielakkan dengan adanya teknologi pergigian zaman kini seperti alat penyedut air liur berkuasa tinggi dan empangan getah.

DR EMILY, DR ABBAS, DR ASILAH, DR HANIM, DR WOON

AVULSI GIGI



“ Avulsi gigi ialah gigi kekal yang terkeluar atau tercabut dari soketnya akibat perlanggaran kepada mulut berpunca daripada terjatuh, kecederaan semasa bersukan atau kemalangan jalan raya.

Tahukah anda, kecederaan gigi antara kecederaan yang paling kerap berlaku dalam kalangan pelajar sekolah. Kajian retrospektif tempatan dari 2001 hingga 2006 menunjukkan kecederaan gigi kekal yang terkeluar daripada soket (avulsi) berlaku antara umur 10 dan 13 tahun, dengan kebanyakan kes melibatkan gigi kacip kekal atas (maksila).

GIGI TERCABUT? BOLEHKAH DISELAMATKAN LAGI?

Gigi yang hilang masih boleh dimasukkan ke dalam soket, asalkan ia dilakukan dalam masa 30 minit hingga 1 jam. Sebelum berjumpa doktor gigi, anda harus terlebih dahulu merawat gigi yang teravulsi di tempat kejadian.



Avulsi gigi adalah kecemasan pergigian dan memerlukan rawatan segera. Lebih cepat mendapat rawatan, lebih tinggi kadar rawatan untuk berjaya. Langkah kecemasan yang betul boleh menyelamatkan gigi supaya ia berjaya ditanam semula dan bertahan untuk tahun-tahun akan datang.

APA YANG PERLU SAYA LAKUKAN?



CARA MENCEGAH AVULSI GIGI



Anda boleh mengikuti langkah-langkah berikut:

1. Bertenang dan cari gigi yang teravulsi.
2. Pegang gigi pada bahagian korona, elakkan memegang pada bahagian akar.
3. Lalukan gigi dibawah air sejuk yang mengalir <10 saat untuk hilangkan kotoran. Elakkan menggunakan sabun, dan jangan gosok atau keringkan gigi.
4. Cuba masukkan gigi kedalam soket semula. Jika berjaya, gigit kain bersih dengan kuat.
5. Jika tidak berjaya, simpan gigi dalam medium seperti susu, air liur atau air saline. Elakkan menyimpan gigi dalam air kerana akan membahayakan sel-sel yang terdapat pada akar gigi.
6. Segera ke klinik gigi berhampiran untuk mendapatkan rawatan kecemasan.
7. Gigi susu yang mengalami avulsi tidak disarankan untuk menanamnya kembali kerana ini boleh menganggu pertumbuhan gigi kekal dibawahnya.

Avulsi sering berlaku disebabkan oleh kecederaan atau kemalangan sukan. Untuk mengelakkan ini, anda boleh menggunakan alat pelindung mulut (mouthguard) setiap kali anda bersukan.

Pertimbangkan untuk mendapatkan pelindung mulut yang dibuat khas oleh doktor gigi. Dengan cara itu, bentuk pelindung mulut akan disesuaikan dengan struktur gigi anda.

Sumber:

Clinical Practice Guidelines: Management of Avulsed Permanent Anterior Teeth in Children
Cleveland Clinic: Avulsed Tooth
Wikipedia: Dental Avulsion
Portal My Health: Kejadian Trauma Gigi Kekal
Hellosehat.com: Avulsi Gigi





Karnival Kesihatan Daerah Tenom 2022

DR ABBAS, DR ASILAH, DR HANIM, DR WOON, DR EMILY

Pada 12 November 2022, pihak Klinik Kesihatan Melalap telah menganjurkan program Karnival Kesihatan (KOSPEN) kepada penduduk Kg. Lagud. Program telah berlangsung dari jam 7:30 pagi hingga 4 petang di Dewan Kg. Lagud, Tenom.

Sehubungan dengan itu, pihak KK Melalap telah menjemput Klinik Pergigian Tenom untuk memeriahkan program dengan mengadakan pameran serta pemeriksaan gigi secara percuma kepada penduduk kampung berkenaan. Program ini dirasmikan oleh Pegawai Kesihatan Daerah Tenom, Francesca Primus Chew.



Ceramah Kanser Mulut dari Dr Hanim

Pelbagai aktiviti menarik yang telah disediakan iaitu saringan kesihatan percuma, pemeriksaan gula dalam darah, derma darah, ceramah kesihatan, pameran kesihatan, saringan minda sihat, pinggan sihat malaysia, pertandingan mewarna (kanak-kanak), kuiz kesihatan dan cabutan bertuah.

Seramai 9 anggota telah mewakili KP Tenom untuk mengadakan pemeriksaan pergigian dan saringan kanser mulut secara percuma serta pameran kesihatan pergigian. Ceramah berkaitan kanser mulut juga telah disampaikan oleh Dr. Nur Hanim.



Anggota pergigian bergambar dengan bahan pameran



Sesi bergambar dengan semua agensi yang terlibat memeriahkan majlis



Dr Francesca sedang mendengar penerangan pameran

Salinan ini disahkan benar daripada salinan awal

AUDREY GEORGE
BOS INDIA
MO NO: 12342

OUTREACH KOA & OCS 2023

DR ABBAS, DR ASILAH, DR HANIM, DR WOON, DR EMILY

Pada 18 Mac 2023, pihak Klinik Pergigian Tenom telah mengadakan dua program outreach serentak iaitu program kalobrasi oral agama (KOA) dan program saringan kanser mulut (OCS). Program Kolaborasi Oral Agama (KOA), merupakan satu inisiatif kesihatan pergigian yang melibatkan kerjasama di antara Klinik Pergigian Tenom, Persatuan Badan Agama Kristian serta lapisan masyarakat daerah Kampung Mahunsop, Kemabong Tenom dalam menjalankan Program Kolaborasi Oral Agama untuk menyebarkan serta memberi pendidikan kesihatan pergigian kepada lebih ramai lapisan masyarakat yang hadir.



Perjalanan ke Kampung Mahunsop memakan masa lebih kurang 1 jam 20 minit. Jarak Kampung tersebut dari Klinik Pergigian Tenom adalah sejauh 59 Kilometer. Perjalanan ke sana dengan menaiki van dan juga pacuan 4 roda. Pacuan 4 roda menjadi pilihan kenderaan kebanyakan perserta kerana jalan ke sana berbukit-bukau serta jalan yang tidak rata dan tidak berturap.



Institusi keagamaan merupakan salah satu tempat tumpuan orang ramai berkumpul dan mempunyai pengaruh yang besar pada setiap orang yang beragama. Pelbagai lapisan masyarakat akan hadir dan ini sekaligus menjadi platform yang sangat baik untuk menyampaikan mesej kesihatan pergigian kepada lebih ramai orang.

Oleh itu, ilmu pengetahuan, kesedaran dan amalan kesihatan pergigian yang baik dapat diterapkan kepada masyarakat bagi meningkatkan status kesihatan mulut rakyat.

Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan ilmu pengetahuan mengenai kepentingan penjagaan gigi / mulut dan pengesanan awal lesi mulut.

Bukan itu sahaja, ia juga adalah untuk Menyampaikan dan menyebarluaskan info-info terkini kesihatan mulut dan pergigian kepada masyarakat melalui aktiviti keagamaan. Kemudian, untuk memberi pendedahan awal dan tips amalan penjagaan gigi yang berkesan. Akhir sekali, adalah untuk menjalinkan hubungan yang erat antara pasukan kesihatan pergigian daerah Tenom dan badan-badan keagamaan di daerah Tenom.



*Ceramah agama
yang disampaikan
oleh wakil gereja*

Kebersihan diri insan dikaitkan dengan kebersihan persekitaran sama ada tempat tinggal, alam sekitar, bandar dan kota dan kebersihan negara yang akan melahirkan masyarakat yang lebih harmoni. Kebersihan diri mempunyai kaitan yang amat rapat dengan hubungan insan dengan Penciptanya. Kebersihan diri merangkumi kesemua aspek termasuklah kesihatan oral.

Itulah antara intipati yang disampaikan oleh pastor. Pastor memberi penekanan kepada penduduk di Kampung Mahunsop supaya mengambil peluang keemasan ini dalam meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pendidikan pergigian.

*Latihan memberus gigi
yang disempurnakan
oleh JP dan DSA*



Latihan memberus gigi dilakukan di luar rumah kebudayaan berdekatan padang. Acara ini dimulakan dengan LMG berirama dahulu kemudian diikuti dengan demostrasi latihan memberus gigi oleh Juruterapi Pergigian dan Pembantu Pegawai Pergigian. rata-rata kanak-kanak sangat menyukai aktiviti ini kerana mereka dapat pendedahan secara terus dan lebih terperinci tentang cara memberus gigi dengan betul

Pelbagai aktiviti yang telah dilakukan. Antaranya ialah pemeriksaan gigi dan cabutan gigi. Pihak kami menyediakan khidmat cabutan gigi kerana rata-rata penduduk Kampung Mahunsop terpaksa meredah perjalanan jauh semata-mata untuk pergi ke klinik pergigian yang terdekat iaitu Klinik Pergigian Tenom. Bukan itu sahaja, kami juga mengadakan saringan kanser mulut serta mengajar langkah mengesan lesi mulut dengan sendiri.

Ceramah kesihatan pergigian dan juga ceramah kanser mulut juga dijalankan demi meningkatkan lagi pengetahuan mereka. Melalui ceramah tersebut, pihak kami mengadakan kuiz pergigian dan memberi hadiah kepada pemenang tersebut.





Pameran pergigian turut diadakan. Antara pameran yang diadakan ialah pameran gigi palsu, sudut penjagaan kesihatan pergigian dan pameran kanser mulut. Melalui pameran tersebut, kami mengadakan kaunseling secara menyeluruh bagi pihak yang mempunyai tanda tanya berkaitan pergigian.



Bagi kanak-kanak, kami mengadakan permainan interaktif seperti pertandingan mewarna dan pertandingan arca plasticine. Pemenang bagi pertandingan tersebut diberikan hadiah.

POSI PADA MEMBERUS GIGI KANAK-KANAK YANG MEMERLUKAN PENJAGAAN KHAS

DR EMILY, DR ABBAS, DR ASILAH, DR HANIM, DR WOON

Pergigian keperluan khas adalah bidang pergigian yang mengkhususkan diri dalam memberikan penjagaan pergigian kepada individu dengan keperluan fizikal, pembangunan, intelektual, atau emosi yang unik. Bidang ini sangat penting kerana individu dengan keperluan khas sering memerlukan penjagaan pergigian yang lebih komprehensif disebabkan keadaan perubatan atau kecacatan mereka. Pesakit-pesakit ini mungkin memerlukan penginapan khas, seperti peralatan khusus, sedasi, atau anestesia, untuk memastikan mereka selesa semasa prosedur pergigian. Pakar pergigian keperluan khas dilatih untuk memberikan penjagaan yang peribadi kepada pesakit-pesakit ini dan bekerjasama rapat dengan penyedia penjagaan kesihatan lain untuk memastikan mereka menerima rawatan yang terbaik. Antara latihan yang diajarkan kepada penjaga ialah posisi untuk memberus gigi.



BERDIRI DI DEPAN
CERMIN TANDAS

- Berdiri di belakang anak, pegang tangan anak yang sedang memegang berus gigi.
- Kaedah ini boleh membantu anak untuk mempelajari cara memberus gigi bawah pemerhatian anda.



DUDUK DI ATAS LANTAI

- Ibu bapa boleh duduk di kerusi dengan kedua-dua kaki diletakkan pada celah kaki atau lutut anak supaya anak kurang bergerak semasa memberus gigi.



BERBARING DI ATAS LANTAI

- Melutut di belakang anak dan letakkan bantal di atas paha untuk menyokong kepala anak semasa memberus gigi.



BERBARING DI SOFA ATAU KATIL

- Letak kepala anak di pangkuhan dan guna tangan untuk menyokong kepala anak.
- Ahli keluarga juga boleh memegang tangan atau kaki anak jika mereka tidak memberikan kerjasama.



BERDIRI DI BELAKANG KERUSI RODA

- Letakkan bantal pada badan kamu supaya anak boleh bersandar.



DUDUK DI BELAKANG KERUSI RODA

- Untuk kaedah ini, sila pastikan anda telah mengunci roda kerusi sebelum menyendongkan kerusi roda tersebut.



PENSIANGAN MEDICAL RURAL PROJECT

Program Medical Camp anjuran Lions Club telah menjemput Pergigian Kawasan Keningau, Tenom dan Nabawan untuk turut serta bergabung tenaga dalam program kali ini selama 2 Hari di kawasan pendalaman sabah daerah Nabawan iaitu Kampung Babalitan untuk memberikan perkhidmatan pergigian kepada penduduk kampung tersebut. Perjalanan ke kampung Babalitan agak mencabar dan mengambil masa lebih kurang 3-4 jam dengan menaiki kereta dan bot merentasi sungai, Namun semangat berpasukan tidak menghalang tanggungjawab dan kewajiban kami untuk sampai ke destinasi.



PENSIANGAN MEDICAL RURAL PROJECT



Acara disambung pada keesokan harinya bersama agensi-agensi lain yang turut sama hadir. Pasukan Pergigian yang terlibat adalah Dr Jessel Jericho S Ekol, Dr Dixie Guptah, Dr Audrey George, DSA Trecher dan PPK Mohamad. Antara aktiviti pergigian yang dijalankan pada program ini seperti Pemeriksaan Gigi, Saringan Kanser Mulut, Cabutan Gigi, Khidmat Nasihat dan Kaunseling Pergigian, Demonstrasi dan Latihan Memberus Gigi secara percuma kepada penduduk Kampung Babalitan dan sekitarnya.

Program Kemasyarakatan Outreach seperti ini banyak membantu dan sangat berguna kepada golongan masyarakat luar bandar dan kawasan pedalaman Sabah. Sekaligus menjadi platform yang sangat baik untuk menyampaikan mesej kesihatan pergigian kepada lebih ramai orang.

Terima Kasih kepada Persatuan Lions Clubs Sabah kerana menjemput Pergigian Kawasan Keningau untuk sertai program ini. Semoga ia dapat memberi banyak kebaikan kepada mereka yang memerlukan.



▲巴巴里村儿童参与一堂接受狮子会成员教导正确的刷牙方法。



▲服务团队医务人员为前来就医的巴巴里村民预先测量血压。



▲参加狮子会乡村服务团队的牙科医生为巴巴里村民进行检查牙齿及拔牙。

(括弧咬十日录) 直道咬
文学狮子会于
本月十六日及十七日(星期六及星期日)

一连两天，联合本州、南闻联邦直辖区及砂拉越十六个狮子会共同组队前往坐落于沙巴州内陆区偏远的巴巴里村乡村进行一项为期两天一夜之国际狮子会308A2区偏远乡村社会福利慈善服务活动经完顺利进行。

此项活动乃于上个星期六早上从括弧咬市区启程，在中半抵达离开本埠接近两百公里陆路及水路的巴巴里村后便正式展开。活动于本星期日中午完满结束后，全体团员在总指挥策划及筹委会主席叶茂祥的妥当安排下，顺利的于当天下午一时回到原地咬。而部分团员也分别返回各自家园，正式结束了此项两天一夜充满挑战但却是非常有意义的活动。

此项活动获得来自本州、南闻及砂拉越多个狮子会，超过五十五位狮友及医务人员的踊跃参与，令此项目成行。组织者及医务人员的积极参与，令他们无不欢笑。

今年度的活动获得来自本州、南闻及砂拉越多个狮子会，超过五十五位狮友及医务人员的踊跃参与，令此项目成行。组织者及医务人员的踊跃参与，令他们无不欢笑。

于星期六晚上在本埠马路路旁后酒店宿，由上九点至国际狮子会308A2区总监胡健祥医生主持第一项非常庄严及隆重之祈福礼后，全体团员接着开始启动，分批乘坐接近十多部四驱车，浩浩荡荡的前往目的地地前进。随团者还包括国际狮子会308A2区第一副总监詹耀麟。

经过了两个半小时的陆路旅程，其中包括一段是凹凸不平的砂石烂泥路，这段道路虽然只是十三公里的路程，却需要一个半小时的时间，给予团员们感受到在车内颠簸摇摆的经历后，安全抵达河边的沙龙村。在村民的协助下，将所有物品都背上已设在河边等待的船只。再经过一个半小时在烈阳下暴晒，确保剩余的水路才

经过了两个半小时的陆路旅程，其中包括一段是凹凸不平的砂石烂泥路，这段道路虽然只是十三公里的路程，却需要一个半小时的时间，给予团员们感受到在车内颠簸摇摆的经历后，安全抵达河边的沙龙村。在村民的协助下，将所有物品都背上已设在河边等待的船只。再经过一个半小时在烈阳下暴晒，确保剩余的水路才

经过了两个半小时的陆路旅程，其中包括一段是凹凸不平的砂石烂泥路，这段道路虽然只是十三公里的路程，却需要一个半小时的时间，给予团员们感受到在车内颠簸摇摆的经历后，安全抵达河边的沙龙村。在村民的协助下，将所有物品都背上已设在河边等待的船只。再经过一个半小时在烈阳下暴晒，确保剩余的水路才

咬文华狮子会联合纳闽砂拉越跋山涉水偏乡医药服务



▲国际狮子会308A2区总监胡健祥医生热热闹闹参与乡村服务激动能为村民看病。

安全抵达巴巴里村。

村长亲自带领村民在河边小屋等待团员的莅临。在全体团员及村民的同心协力下，顺利的将所有的物品，包括帐篷送至村民的避难处及医房设备，搬到族民民众会馆内。

全体团员接着受到招待享用丰富的午餐。菜肴包括原地种植的木薯、番薯、淡水鱼、肉类及野菜等。让团员们可以品尝到地道的乡村菜肴。

午餐过后则是开始进行各项服务的时刻。在剑会长吴乃庭及筹委会主席叶茂祥，以及国际狮子会308A2区总监胡健祥医生的妥当安排下，施医赠药及牙科治疗与拔牙服务。在场的医生忙得为众多前来看病之村民进行诊疗及施药服务。以及多位牙科医生为村民接受牙科检查及拔牙的大部分都是村里的乐龄人士。筹委会友则参与环保植树活动，与村民共同在该区范围内种植椰子树苗。

再视觉得检测安排另一个地方进行。由随队的维康医生及狮子会各成员负责检测及赠送近视或远视花镜予村民。

在午膳之后继续进行理疗服务。此项服务活动村民的热烈欢迎，令整个场面对拥挤人群。

当天晚上，村民妇女在狮子会会员共同烹煮美味可口的佳肴。让全体团员可以享



▲狮子会乡村服务团队成员在巴巴里村与国际狮子会308A2区总监胡健祥医生及第一副总监詹耀麟合照。



▲亚庇狮子会成员为巴巴里村民修脚及及。



▲国际狮子会会长叶茂祥分发书本及文具予村民孩子。

Salinan ini disahkan benar daripada
salinan asal

AUDREY GEORGE
BOS INDIA
ID NO: 12345

ANUGERAH INOVASI 2022

JABATAN KESIHATAN
NEGERI SABAH

"Inovasi Pemangkin Kemajuan"

INTIPATI

Sebuah pertandingan inovasi peringkat negeri sabah telah diadakan di Dewan Auditorium, Institut Latihan KKM, Kota Kinabalu pada 12 hingga 13 oktober. Pertandingan tersebut telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Rose Nani Mudin selaku Pengarah Kesihatan Negeri Sabah.



OBJEKTIF PERTANDINGAN


- Memberi pengiktirafan kepada hasil inovasi yang diperkenalkan oleh warga Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.
- Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja yang diamalkan.
- Memperkenal dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah bersama.
- Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada Pelanggan.



Pertandingan ini disertai oleh 14 pasukan di serata Sabah dari pelbagai agensi kerajaan. Klinik pergigian Tenom merupakan wakil kawasan Keningau menurut serta dalam pertandingan tersebut. Produk inovasi yang dipertandingkan adalah "Gauze Cutting Board" (GCB). Gauze" ataupun disebut sebagai kain kasa digunakan secara pakai buang untuk menyerap darah dan cairan lain serta membersihkan luka. Kain kasa ini dipotong menggunakan gunting atau mesin pemotong (cloth cutting machine berjenama (AHHEE) yang telah dibekalkan kepada setiap klinik. Walaupun mesin ini telah dibekalkan, ia tidak dapat digunakan secara optimum kerana ketiadaan tempat atau alas yang sesuai untuk menjalankan proses pemotongan "gauze".

DR EMILY, DR ABBAS, DR ASILAH, DR HANIM, DR WOON

“Gauze cutting board” ini direka khas bagi memotong “gauze” dengan menggunakan mesin pemotong yang telah dibekalkan. Kebanyakan Pembantu Perawat Kesihatan menggunakan gunting semasa proses pemotongan “gauze”. Oleh yang demikian, mereka kerap mengalami kecederaan kecil iaitu “blister” akibat memotong “gauze” terutamanya apabila menggunakan gunting yang tumpul. Saiz “gauze” yang dipotong sebelum ini juga tidak seragam. Sewaktu proses pemotongan kain tersebut, staff terpaksa memegang kain dengan ketebalan satu hingga ke dua inci menggunakan ibu jari dan jari telunjuk bagi mendapatkan ukuran yang ideal. Kemudian memotong kain tersebut dengan gunting. Sekiranya proses memegang kain berlanjutan untuk satu jangka masa yang panjang ia akan menyebabkan kekejangan pada otot-otot tangan. Bukan itu sahaja, proses pemotongan tersebut juga membahayakan keselamatan kakitangan kerana dikhawatir terpotong jari sendiri sekiranya tidak berhati-hati. Penggunaan “gauze cutting board” dapat membantu staff memotong kain kasa dengan lebih cekap dan pantas. Ciri-ciri keselamatan daripada “gauze cutting board” dapat mengelakkan kecederaan ringan yang sering dihadapi oleh kakitangan. Hasil potongan “gauze” juga didapati lebih seragam dan kemas.



Gauze Cutting Board yang dipertandingkan

Klinik Pergigian Tenom tidak berjaya memenangi pertandingan tersebut. Pertandingan tersebut dimenangi oleh kumpulan daripada Klinik Pergigian Tuaran. Kumpulan mereka membawa produk 'Flipbook Pendidikan Kesihatan Pergigian Toddler'. Walaupun pihak kami tidak memperolehi kemenangan tetapi banyak pengetahuan yang bermanfaat dapat diperoleh daripada juri-juri yang professional. Antaranya ialah kriteria pemarkahan, cara dokumenkan projek dan banyak lagi. Pihak kami jauh lebih matang daripada sebelum ini. Kami dapat mengetahui apa perkara yang terutamanya dalam pengetahui matlamat sebuah pertandingan. Pihak kami berharap agar produk inovasi ini dapat terus dikembangkan dan boleh memberi manfaat kepada staff pergigian di kawasan Keningau.

KUMPULAN INOVATIF

Dr. Abbas Harith (Ketua kumpulan)

Dr. Audrey George

Rosmi Binti Tawid

Helen Sambang

Johvelius Johnary

Leonora Loritta David



Program Kanser Mulut



DR ABBAS, DR ASILAH, DR HANIM, DR WOON, DR EMILY



Klinik Pergigian Tenom

Klinik Pergigian Tenom telah menganjurkan Program Saringan Kanser Mulut di Kampung Sugiang Tengah pada 1 Oktober 2022 bersamaan hari Sabtu.

Objektif umum Program ini adalah untuk mengurangkan kejadian kanser mulut dikalangan masyarakat yang tinggal di kawasan yang berisiko tinggi. Manakala objektif khusus program ini adalah pemeriksaan /saringan kepada penduduk kampung yang berumur 18 tahun keatas, dapat membuat pengesahan awal kejadian kanser mulut dan memberi pengetahuan dan pendidikan mengenai kanser mulut.



You and 389 people liked this.



Klinik Pergigian Tenom

Terbaik!

Leave a comment...



Seramai 15 anggota telah mewakili KP Tenom untuk mengadakan pemeriksaan pergigian dan saringan kanser mulut secara percuma serta pameran kesihatan pergigian. Ceramah berkaitan kesihatan pergigian dan kanser mulut telah disampaikan oleh Dr Asilah



You and 407 people liked this.

Leave a comment...

SNAPSHOTS:



Pemenang Kuiz Kesihatan Pergigian

Selain ini disahkan benar daripada
salinan asal

AUDREY GEORGE
BDS (INDIA)
MDC-NID 12342



Aktiviti yang dijalankan sepanjang program ini adalah seperti berikut:

1. Ceramah Kesihatan Pergigian- Kanser Mulut
2. Pameran Kesihatan Pergigian
3. Demonstrasi Memberus Gigi .
4. Permainan Interaktif:
 - Kuiz kategori Kanak-Kanak
 - Kuiz kategori Dewasa



Seramai 45 orang dewasa dan 27 orang kanak-kanak telah menerima pemeriksaan gigi dan cabutan gigi. Program Saringan Kanser Mulut ini telah berjalan lancar dengan kerjasama antara anggota pergigian yang bertugas dan masyarakat Kampung Sugiang Tengah.

SNAPSHOTS:



Pemeriksaan dan Cabutan oleh Dr Asilah, Dr Woon dan JP Lydia



You and 407 people liked this.

Leave a comment...



22-23 JULAI 2022

KEM KESIHATAN PERINGKAT DAERAH TENOM



DR EMILY, DR ABBAS, DR ASILAH, DR HANIM, DR WOON

Program Kem Kesihatan diadakan di Rumah Kebudayaan di Kampung Mahunsop, Ulu Tomani Tenom selama 2 hari. Seramai 50 orang termasuk 40 orang dewasa, 3 orang warga emas, 4 orang murid sekolah dan 3 orang toddler telah diperiksa dan diberikan rawatan pergigian.

Antara aktiviti pergigian seperti ceramah kesihatan pergigian, Cabutan gigi, saringan kanser mulut, demonstrasi pemeriksaan kendiri, demonstrasi latihan memberus gigi, sapuan florida kepada kanank-kanak serta kaunseling pergigian diberikan kepada penduduk kampung.

Ucapan terima kasih kepada Dr Woon Wei Xuen (Klinik Pergigian Tenom), Dr. Peta Charnaine Gilong (OMFS, HQE), Dr. Syarfa Syahirah Hajam (OMFS, HQE), Johvelius Johnary kerana bersama bergabung tenaga dalam program ini.

Salinan ini disahkan benar daripada
salinan awal

AUDREY GEORGE
BOS INDIA
MO NO: 12342
40

PROGRAM

IKON GIGI

KOLABORASI KLINIK PERGIGIAN TENOM DAN UNIT BIMBINGAN KAUNSELING SMK ENTABUAN, TENOM

DR EMILY, DR ABBAS, DR ASILAH, DR HANIM, DR WOON

SIAPA ITU IKON GIGI ?

Ikon gigi yang dikenali sebagai IGG merupakan **Wakil Komuniti** yang bertindak sebagai pemudah cara untuk menyampaikan dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan penjagaan kesihatan mulut dan pergigian. Mereka yang telah dipilih mempunyai peranan dan tanggungjawab dalam menyampaikan info-info berkaitan kesihatan pergigian. Ikon Gigi yang terpilih akan dijemput untuk menghadiri Kursus Pemantapan Program IGG bersama fasilitator masing-masing. Doktor Gigi akan membimbang ikon gigi sepanjang program ini.



Pada 29 Mar 2023, Klinik Pergigian Tenom telah berkolaborasi dengan Unit Bimbingan Kaunseling SMK Entabuan bersama Ikon Gigi Tenom iaitu Cikgu Siti Zaharah. Pelajar sekolah SMK Entabuan berpeluang bertemu dan mendengar Ceramah Kesihatan Pergigian daripada Dr S Rackes dan Dr Emily Tan Hui-Ping. Banyak perkongsian dan ilmu pengetahuan pergigian telah disampaikan. Juruterapi Pergigian Rosmi Tawid, Noraimi Bantingan juga turut serta dalam Program kali ini menyampaikan demonstrasi Latihan Memberus Gigi dan mengadakan Pameran Pergigian. Semoga Program Pergigian seperti ini dapat memberikan input yang berganda dan memberi banyak manfaat kepada orang ramai.



Terbitan e-Buletin

March 2023

KLINIK PERGIGIAN TENOM KAWASAN KENINGAU



Klinik Pergigian Tenom, Peti Surat 97,
Tenom, 89907 Tenom, Sabah



FACEBOOK PAGE Klinik Pergigian Tenom



sbh.kptenom@moh.gov.my



+6087 733 251